



جباتن فرخدماتن  
نكري فيراق  
JABATAN PERKHIDMATAN HAIWAN,  
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN,  
JALAN SULTAN AZLAN SHAH (U),  
30740 IPOH.  
Laman web : [www.jphpk.gov.my](http://www.jphpk.gov.my)

Tel: 05-5459111  
05-5459122  
05-5459133  
Fax: 05-5482712  
05-5472561

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : Bil( )dlm.JPH.Pk.

Kepada:

.....  
.....  
.....

Tarikh :

**PERINTAH PEMUSNAHAN UNGGAS DAN BINATANG DI DALAM LADANG MENGIKUT SEKSYEN 19, ORDINAN BINATANG 1953**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan unggas atau binatang di dalam ladang ternakan tuan/puan telah didapati dijangkiti oleh penyakit flu unggas. Sehubungan dengan itu semua unggas dan binatang di dalam ladang tuan/puan akan dimusnahkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perak.

3. Tuan/puan juga diperintahkan:

- 3.1 untuk tidak memindah keluar apa-apa unggas, binatang dan bangkainya dari ladang tuan/puan
- 3.2 untuk tidak membawa keluar apa-apa peralatan, perkakas, makanan ternakan dan apa-apa benda yang digunakan bagi maksud penternakan daripada ladang
- 3.3 untuk tidak membawa keluar kenderaan daripada ladang kecuali dengan kebenaran penguasa veterinar
- 3.4 untuk tidak memasuki ladang kecuali dengan kebenaran pihak berkuasa veterinar
- 3.5 Pekerja tidak dibenarkan tinggal di ladang.

4. Kerjasama dari tuan/puan bagi mematuhi perintah ini amatlah diharapkan dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

Saya yang menurut perintah,

( DATO' DR HJ ABD.KADIR BIN OSMAN )  
Pengarah Perkhidmatan Haiwan  
Negeri Perak

**AKUAN PENERIMAAN**

Saya .....no. kad pengenalan .....  
sebagai pemilik/wakil ladang .....  
dengan ini mengakui menerima perintah penahan sementara ini pada .....

.....  
Nama/Cop Ladang